

u 5824 AAB

MAHATHIR - MATLAMAT (EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 11 MALAM INI)

I

KUALA LUMPUR, 22 OGOS (BERNAMA) -- KAUM BUKAN BUMIPUTERA DAN PARA PELABUR ASING AKAN MEMBANTU DIRI MEREKA SENDIRI DENGAN MENOLONG GOLONGAN BUMIPUTERA MENCAPAI MATLAMAT EKONOMI MEREKA LEBIH AWAL, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

+LEBIH AWAL KITA MENCAPAI MATLAMAT-MATLAMAT KITA, LEBIH AWALLAH KEPERLUAN TUMPUAN KHAS DITAMATKAN,+ KATA PERDANA MENTERI KETIKA BERUCAP PADA JAMUAN MALAM KELAB HARVARD MALAYSIA DI SINI. TAJUK UCAPANNYA IALAH +SELEPAS 1990 - DASAR EKONOMI MALAYSIA+.

KATANYA, KERAJAAN TIDAK AKAN MEMAKSA TEMPOH (BAGI MENCAPAI MATLAMAT-MATLAMAT INI) TETAPI ADALAH PENTING SUPAYA SERING DIINGATI BAHAWA ADA HARGA YANG PERLU DIBAYAR, APA CARA SEKALIPUN.

+KAMI FIKIR HARGANYA AKAN LEBIH RENDAH JIKA SEMUA ORANG MENERIMA KEPERLUAN BAGI PENYUSUNAN SOSIO-EKONOMI DAN MEMBANTU MENJAYAKAN PROJEK BERKENAAN,+ TAMBAH BELIAU.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA DASAR EKONOMI BARU (DEB) YANG AKAN TAMAT TAHUN INI, ADALAH PERCUBAAN DALAM PENYUSUNAN SOSIAL, DAN SEMASA IANYA DIGUBAL MEREKA MENGETAHUI MATLAMAT-MATLAMAT MEREKA -- MENGHAPUSKAN KEMISKINAN DAN PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT BAGI MENGHAPUSKAN PENGENALAN KAUM MENGIKUT FUNGSI-FUNGSI MEREKA. -- LAGI

2201MST 22 08 90

U B825 AAB

MAHATHIR - MATLAMAT 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+TETAPI KITA TIDAK MEMPUNYAI PENGALAMAN DAN JUGA MODEL UNTUK DIKUTI BAGI MENCAPAI OBJEKTIF-OBJEKTIF INI.+

KATANYA, KERANA MEMPERCAYAI SISTEM PASARAN TERBUKA SAMBIL MENOLAK SOSIALISME DAN KOMUNISME, KERAJAAN TERPAKSA MEMPERCEPATKAN PERTUMBUHAN SATU KUMPULAN MASYARAKAT TANPA MENIBULKAN PERASAAN HAK-HAK MEREKA DIRAMPAS OLEH KUMPULAN-KUMPULAN LAIN.

+IANYA ADALAH SATU PERKARA YANG AMAT BESAR UNTUK DILAKSANAKAN OLEH SEBUAH KERAJAAN DAN BIROKRASI YANG, SEHINGGA HANYA 12 TAHUN LEPAS, HANYA MERUPAKAN SATU SUSUNAN PENTADBIRAN,+ TAMBAH BELIAU.

KATANYA, MENDAPATI BAHAWA PARA PAKAR TIDAK BOLEH DIPERSALAHKAN JIKA MEREKA MERAMALKAN KEMUNDURAN BAGI MALAYSIA PADA NASA ITU, ADALAH TIDAK MENGHAIRANKAN BANYAK DARIPADA PERKARA YANG DIJALANKAN OLEH PARA PELAKSANA DEB, YANG MERUPAKAN GOLONGAN AMATUR, GAGAL SAMA SEKALI.

SAMBIL MERUJUK KEPADA AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN (ICA) DAN GERAKAN-GERAKAN PENYUSUNAN SEMULA YANG LAIN BAGI MEMBERIKAN PEMBAGIAN KEPADA KAUM BUMIPUTERA, BELIAU MENDAPATI BAHAWA PERBADANAN-PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI MUNCUL DI SEMUA NEGERI DAN MEREKA SETERUSNYA MEWUJUDKAN BERATUS-RATUS ANAK SYARIKAT, USAHASAMA DAN AGENSI-AGENCI KECIL.

- - LAGI

2206MST 22 08 90

U 8826 AAB

MAHATHIR - MATLAMAT 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+RAMAI ORANG YANG TIDAK MENGETAHUI MENGENAIN KEPADA BIDANG PERNIAGAAN, DENGAN TIBA-TIBA MENDAPATI DIRI MEREKA MENGENDALIKAN SYARIKAT-SYARIKAT PERNIAGAAN, PEMBUATAN DAN PEMBINAAN YANG BERNILAI BERJUTA-JUTA RINGGIT.+

KATANYA, KAKITANGAN AWAM YANG TIDAK MENGETAHUI APA YANG HARUS DILAKUKAN TETAPI BEGITU GHAIRAH UNTUK MENCAPAI OBJEKTIF DEB KADANG-KALA MENJADI TERLALU BERSEMANGAT. +MEREKA DAN KERAJAAN TIDAK DIBANTU OLEH BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA YANG MEMPERALATKAN DEB UNTUK KEPENTINGAN SENDIRI.+

KATANYA, BUMIPUTERA MEMPEROLEHI LESEN, PERMIT DAN SAHAM-SAHAM YANG DIJUAL KEPADA BUKAN BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA BERSUBAHAT DENGAN MEMBELI LESEN DENGAN MENGGUNAKAN BUMIPUTERA SEBAGAI ORANG HADAPAN.

DALAM KEBANYAKAN KES, BUMIPUTERA TIDAK DIBERI PENGALAMAN DAN PENGETAHUAN ASAS MENGENAI PENGURUSAN PERNIAGAAN DAN DALAM BANYAK KEADAAN, BUMIPUTERA HANYA BELAJAR MENGGUNAKAN STATUS UNTUK MENDAPATKAN LEBIH BANYAK LESEN.

+SECARA TERANG BANYAK DOSA DILAKUKAN OLEH BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA DENGAN MENGGUNAKAN NAMA DEB,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. -- LAGI

2213MST 22 08 90

U 8828 A A B

MAHATHIR - MATLAMAT 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, DALAM KEADAAN-KEADAAN INI, MALAYSIA SEHARUSNYA MENJADI LEMBAB ATAU MUNDUR OLEH KERANA DEB, SAMA SEPERTI KEMUDURAN NEGARA-NEGARA SOSIALIS DAN KOMUNIS.

+TETAPI ADAKAH MALAYSIA MUNDUR? JAWAPANNYA SUDAH TENTU TIDAK SAMA SEKALI,+ KATANYA, SAMBIL MENAMBAH KATA BAHAWA SEBENARNYA PERTUMBUHAN EKONOMI BERGERAK CEPAT DENGAN DEB.

PERTUMBUHAN PADA TAHUN 1970-AN IALAH PURATA ANTARA 7 HINGGA 8 PERATUS MANAKALA DALAM TAHUN 1980-AN, SELEPAS KEMELESETAN YANG SINGKAT, YANG BERLAKUBUKAN DISEBABKAN OLEH DEB TETAPI AKIBAT KELEMBAPAN DUNIA, KEADAAN EKONOMI PULIH DAN MENCAPAI ANGKA PERTUMBUHAN 8 PERATUS.

BELIAU BERKATA, MALAYSIA MENDUDUKI TEMPAT KELIMA DARIPADA 130 NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DI SELURUH DUNIA. +MALAYSIA MERUPAKAN SEBUAH NEGARA YANG BERJAYA DALAM BIDANG EKONOMI EKONOMI TETAPI SEMUA TAHU BAHAWA DEB TIDAK MENCAPAI MATLAMAT PERSAHAAN SEPERTI YANG MENJADI MATLAMAT NEGARA.+

+YANG DEMIKIAN, BUMIPUTERA DENGAN APA UKURAN SEKALIPUN, MASIH LAGI KETINGGALAN JAUH DARIPADA KAUM-KAUM LAIN,+ KATANYA. -- LAGI

2217MST 22 08 90

UB829 A A B

MAHATHIR - MATLAMAT 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, WALAUPUN RUNGUTAN DARIPADA BUMIPUTERA ADALAH TERHAD KERANA MERASAI MEREKA MEMPUNYAI SEBUAH KERAJAAN YANG BOLEH MELINDUNGI KEPENTINGAN MEREKA, GOLONGAN INI MASIH TIDAK BERPUAS HATI DENGAN PENCAPAIAN MEREKA.

+DENGAN INI, ADALAH TIDAK BIJAK UNTUK BERANGGAPAN BAHAWA TIDAK LAGI PERLU DITERUSKAN SESETENGAH PENYUSUNA SOSIO-EKONOMI,+ TAMBAHNYA.

SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA MALAYSIA ADALAH SEBUAH NEGARA YANG KAYA, BELIAU BERKATA, MEMBERIKAN BUMIPUTERA PEMBAHAGIAN TIDAK MEROSAKKAN EKONOMI ATAU KEMAKMURAN MASYARAKAT YANG LAIN.

+OLEH ITU, MARILAH KITA BERMULA DENGAN MENGAKUI BAHAWA KITA MASIH PERLU MEMBENTUK SATU DASAR YANG BOLEH MENGURANGI KETIDAKSEIMBANGAN ANTARA KAUM DALAH MASYARAKAT KITA,+ TAMBAHNYA.

SAMBIL MERUJUK KEPADA KEGAGALAN DEB SUPAYA MEREKA TIDAK MENGULANGINYA, BELIAU BERKATA, ASAS UTAMA DEB IALAH PERKONGSIAN KEKAYAAN DAN IA BOLEH DIANGGAP BAHAWA SEKIRANYA GOLONGAN BUMIPUTERA DIBERI 30 PERATUB DARIPADA KEKAYAAN ITU, MAKA MATLAMAT PENYUSUNAN SEMULA AKAN TERCAPAI. -- LAGI

2230MST 22 08 90

D004

U B832 AAB
MAHATHIR - MATLAMAT 6 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+DAN OLEH KERANA ITU BUMIPUTERA **DIBERI** PEMBAHAGIAN YANG **SAMA** SEHINGGA 30 PERATUS DARIPADA JUMLAH KESELURUHAN SAHAM YANG DIPEGANG -- ATAU SEKURANG-KURANGNYA IA TELAH DICUBA.

+TETAPI PEMILIKAN KEKAYAAN **TANPA** KEUPAYAAN UNTUK MENGURUSKANNYA TIDAK AKAN KEKAL **LAMA** ATAU MEMBERIKAN PENYELESAIAN YANG STABIL TERHADAP MASALAH PEMBAHAGIAN KAUM YANG TIDAK **SAMA RATA**,+ TAMBAHNYA. BELIAU LALU MENYEBUT SATU PEPATAH INGGERIS YANG BERMAKSUD SESEORANG YANG MEMPUNYAI WANG TETAPI TIDAK TAHU **MENGGUNAKANNYA**, WANG ITU AKHIRNYA AKAN HABIS **JUGA**.

JADI, APABILA DEB MEMBERIKAN KEKAYAAN ITU KEPADA BUMIPUTERA **TANPA** MELATIH MEREKA TERLEBIH DAHULU DALAM PENGURUSAN **HARTA ITU**, HASILNYA **IALAH** KEGAGALAN.

+TANPA AGENSI-AGENSI YANG DIKAWAL OLEH KERAJAAN SEPerti PNB DAN **PERNAS**, DEB TIDAK **AKAN** MENCAPAI 19 PERATUS EKUITI BUMIPUTERA TETAPI **MUNGKIN** HANYA 4 **PERATUS**,+ KATANYA DAN MENAMBAH KATA BAHAWA JIKA DIBERIKAN **SEDIKIT MASA**, JUMLAH 4 PERATUS ITU **JUGA** AKHIRNYA AKAN **LENYAP** KERANA **HARTA** BUMIPUTERA DIBAHAGI-BAHAGIKAN. -- **LAGI**
2246MST 22 08 90

D006

U B833 A A B
MAHATHIR - MATLAMAT 7 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA LATIHAN DALAM ETIKA PENGURUSAN **ADALAH** LEBIH PENTING DARIPADA PEMBAHAGIAN SAHAM-SAHAM DAN LAIN-LAIN BENTUKASET.

+SEKIRANYA SEBARANG DASAR **SOSIAL** HENDAK **DIBENTUK**, DASAR ITU HENDAKLAH MENEKANKAN KEPADA LATIHAN **ETIKA** DAN PENGURUSAN.+

BELIAU **BERKATA**, KERAJAAN TELAH MEMULAKAN PERKARA INI DENGAN **MEMASUKKANNYA** KE **DALAM** KURIKULUM SEKOLAH SATU **MATA** PELAJARAN YANG **DINAMAKAN** +**KEMAHIRAN HIDUP**+ **BAGI** MENYEDIAKAN RAKYAT MALAYSIA SUPAYA **MENERIMA** MASYARAKAT PERINDUSTRIAN DALAM SISTEM **PASARAN** BEBAS.

PENGETAHUAN DALAM BIDANG **PENTADBIRAN** DIAJAR **DI** INSTITUSI-INSTITUSI SEPerti INSTITUT TEKNOLOGI **MARA (ITM)** DAN UNIVERSITI-UNIVERSITI MANAKALA PENGURUSAN PULA **DIKHUSUSKAN** **DI** UNIVERSITI **UTARA MALAYSIA (UUM)**.

+**ADALAH** DIHARAPKAN BUMIPUTERA AKAN MEMPELAJARI TAHAP AWAL **PENTADBIRAN** **DI** INSTITUSI-INSTITUSI TERSEBUT. MEREKA TIDAK SEHARUSNYA MEMBUAT KESILAPAN BAHAWA DENGAN IJAZAH ATAU DIPLOMA YANG **DIPEROLEHI**, MEREKA LAYAK MENJADI PENGURUS-PENGURUS YANG BERKELAYAKAN PENUH. --

LAGI
2254MST 22 08 90

0008

U B834 AAB

MAHATHI R - MATLAMAT 8 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+IA BUKAN SEKADAR MEMBACA BUKU UNTUK MENJADI PENGURUS,+ KATA PERDANA MENTERI.

TETAPI, KATANYA, SEKTOR SWASTA, KHUSUSNYA SEKTOR SWASTA BUKAN BUMIPUTERA, PERLU MEMAINKAN PERANAN MEREKA.

+MEREKA PERLU BERUSAHA MELATIH RAKAN KONGSI DAN EKSEKUTIF BUMIPUTERA MEREKA MENCENAI CARA-CARA PENTADBIRAN,+ KATANYA, SAMBIL MENAMBAH KATA, BAHAWA BUMIPUTERA MESTI MENERIMA RISIKO YANG ADA DALAM PERNIAGAAN, KEPERLUAN UNTUK MENGAWAL PERBELANJAAN DAN MENGAMBIL KIRA SETIAP SEN YANG DIBELANJA PERLU MENDAPAT PULANGAN YANG SEWAJARNYA.

+BUKAN BUMIPUTERA TIDAK SEHARUSNYA MENGGUNAKAN RAKAN KONGSI BUMIPUTERA SEBAGAI ORANG DEPAN, HANYA BERGUNA UNTUK BERURUSAN DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN, MENDAPATKAN LESEN DAN PERMIT,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, BUMIPUTERA PULA HENDAKLAH MENYEDARI BAHAWA TIDAK ADA JALAN MUDAH UNTUK CEPAT KAYA. -- LAGI

2303MST 22 08 90

0009

U B835 AAB

MAHATHIR - MATLAMAT 9 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+JIKA KITA TIDAK BERUSAHA UNTUK MENDAPATKAN WANG, WANG ITU TIDAK AKAN KEKAL BERSAMA KITA,+ KATANYA.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA PENYUSUNAN SEMULA BUKAN SATU PERKARA SEMENTARA TETAPI MESTI DAPAT BERTAHAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENEKANKAN BAHAWA ETIKA ADALAH PENTING DAN KEKAYAAN BOLEH MEROSAKKAN, TERUTAMA KEKAYAAN YANG BEGITU MUDAH DIPEROLEHI.

+KITA PERLU MEMPUNYAI KOD ETIKA BAGI BUMIPUTERAS SAMA SEPERTI YANG LAIN. TERLALU RAMAI BUMIPUTERAS TELAH TERPERANGKAP DENGAN PENGARUH UNTUK MENDAPATKAN WANG DENGAN JALAN MUDAH.

+MEREKA SEHARUSNYA MENJADI KAYA TETAPI MEREKA PERLU BERUSAHA UNTUK MENDAPATKAN SETIAP SEN.+ -- LAGI

2311MST 22 08 90

U B836 A A B

MAHATHIR - MATLAMAT 10 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA, BUKAN BUMIPUTERA TIDAK SEPATUTNYA MENGGALAKKAN PROSES MEROSAKKAN MEREKA DALAM Mencari KEKAYAAN DAN BUMIPUTERA HENDAKLAH BELAJAR MENGELAKKAN DIRI DARIPADA DIROSAKKAN OLEH GOLONGAN YANG KAYA.

+APA YANG KITA BENAR-BENAR MAHUKAN BUKANLAH 30 PERATUS KEKAYAAN NEGARA INI BAGI BUMIPUTERA TETAPI 30 PERATUS DARIPADA PENGURUS DAN PENGUSAHA-PENGUSAHA MALAYSIA HENDAKLAH TERDIRI DARIPADA BUMIPUTERA YANG BERKEMAHIRAN TINGGI.

+DENGAN PERATUSAN INI, BUMIPUTERA BOLEH MENDAPAT KEKAYAAN DAN MENGEKALKANNYA DENGAN BANTUAN PALING SEDIKIT DARI KERAJAAN,+ KATA DATUK SERI MAHATHIR. -- BERNAMA

2324MST 22 08 90